



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 2/2000 CIRI-CIRI RESIT BAGI TUNTUTAN GERAN LATIHAN

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling ini ialah untuk menekankan semula mengenai **ciri-ciri yang sepatutnya ada pada resit** bagi mengelakkan tuntutan geran latihan yang dikemukakan kepada Majlis dikuiiri atau ditolak.

2. LATAR BELAKANG

2.1 **Resit yang dikeluarkan oleh penyedia latihan kepada majikan** hendaklah mempunyai ciri-ciri berikut :-

2.1.1 nombor siri;

2.1.2 tarikh resit dikeluarkan;

2.1.3 nama, alamat, nombor telefon dan nombor faks penyedia latihan (dan nombor e-mel sekiranya ada);

2.1.4 **nama MAJIKAN yang membuat bayaran;**

2.1.5 tujuan bayaran iaitu **tajuk latihan/kursus yang diluluskan dengan penuh dan lengkap;**

2.1.6 **tarikh atau tempoh latihan dijalankan;**

2.1.7 cara bayaran diterima iaitu sama ada cek atau tunai;

2.1.8 cap penyedia latihan; dan

2.1.9 tandatangan penerima bayaran.

2.2 Bagi resit yang dikeluarkan melalui komputer, semua ciri-ciri seperti yang dinyatakan di atas masih lagi diperlukan **kecuali tandatangan penerima bayaran.**

2.3 **nama pembayar pada resit hendaklah ditulis NAMA MAJIKAN** dan bukannya nama pelatih kerana bayaran ini akan dituntut semula oleh majikan daripada Majlis.

2.4 Untuk makluman penyedia latihan juga, **tajuk kursus yang ditulis pada resit dengan kenyataan seperti "As per course attended", "For Training Fee", "For Invoice No. 1234" atau "As per invoice" adalah dilarang sama sekali** dan akan mengakibatkan tuntutan geran latihan oleh majikan ditolak.

2.5 Tajuk kursus pada resit yang dinyatakan secara ringkasan sahaja seperti FASB untuk Financial Accounting Standards Board atau DGR untuk Dangerous Goods Regulations juga adalah tidak dibenarkan.

3. PENUTUP

3.1 Penyedia latihan adalah diminta untuk mematuhi sepenuhnya ciri-ciri resit yang

terangkan dalam Pekeliling ini bagi mengelakkan tuntutan geran latihan yang dikemukakan oleh majikan kepada Majlis dikuiiri atau ditolak.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
" LATIHAN TERANCANG TUNGGAK KECEMERLANGAN"**

Saya yang menurut perintah,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)

b.p. Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia